

## Penyelesaian Permasalahan Belia Dari Perspektif Agama

RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT & AHMAD TARMIZI  
TALIB

### ABSTRAK

*Makalah ini bertujuan melihat fenomena permasalahan belia dan sebab berlakunya salah laku belia seterusnya menyediakan satu cadangan alternatif, iaitu dari sudut agama untuk mengurangkan permasalahan mereka. Kajian berdasarkan obsevasi dan penelitian ini meninjau penghayatan terhadap ajaran agama adalah sebagai satu jalan alternatif dalam menangani permasalahan belia dengan mengembalikan mereka kepada norma-norma baik dan terpuji. Perbincangan turut mengemukakan beberapa pendekatan bagi menangani permasalahan belia dari perspektif agama.*

**Kata kunci:** *Belia, Agama, Pendidikan, Masalah Sosial*

### ABSTRACT

*This article will review a phenomenon of social problems among youth and the reason behind such problems. The discussion follows by suggesting an alternatif of reducing the problems by facilitating religious approach. This study is based on observation method and later realised that by subscribing religious teaching, it could decrease the number of cases by bringing them back for practicing religious norms and values. The article ends up by signifying a number of religious approaches in managing the issues.*

**Keywords:** *Youth, Religion, Education, Social problem*

## PENGENALAN

Belia adalah merupakan tempoh transisi bagi seseorang manusia dari alam kanak-kanak ke alam dewasa (Mahmood 1990: 51). Sekiranya belia adalah berasaskan umur, para sarjana melihat ia dikira antara 13 hingga 21 tahun (Zakiah 1997: 14), 12 hingga 23 tahun (Granville 1904: 43-50), 11 hingga 22 tahun (Newman & Newman, 1991: 63-71) atau berumur 15 tahun hingga dewasa (Mahmood 1990: 51). Selain daripada faktor umur, belia juga dikaitkan dengan perasaan ingin berkahwin Malina (1990), Logan (1980), Marshall & Turner (1974) dan Noor Adiah (1998), serta mampu berfungsi penuh sebagai seorang dewasa (Mahmood 1990: 51). Belia atau khususnya remaja juga dikaitkan dengan ketidakstabilan psikologi serta emosi (Granville 1904: 43-50) serta kecelaruan identiti. Mereka sedang berusaha menstabilkan emosi, daya intelek, memantapkan fizikal (Newman & Newman, 1991: 63-71) serta membina identiti.

Bagi Plato (abad ke-4 SM), belia ialah mereka yang berupaya membuat pentaakulan dan kemampuan tersebut membezakannya dengan ciri-ciri kanak-kanak. Manakala bagi Aristotle (abad ke-4 SM), kematangan seseorang yang menentukan kebeliaannya dengan kemampuan memutuskan kehendak sendiri serta membuat pilihan (Noor Adiah 1998: 25-41). Istilah peringkat belia dari sudut Islam tidak wujud secara khusus. Namun peringkat ini banyak dibicarakan oleh cendekiawan Islam sebagai peringkat belia. Remaja atau belia ini dalam Islam dibahagikan kepada dua peringkat. Pertama; iaitu peringkat selepas bermimpi yang usianya bermula daripada 12 tahun atau 13 tahun sehingga ke 21 tahun. Peringkat kedua; iaitu peringkat kematangan bermula daripada usia 22 tahun hingga 30 tahun. Peringkat pertama itulah yang dianggap belia, iaitu bermula daripada *baligh* (sampai umur untuk dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal agama) hingga ke usia 21 tahun (Abdullah Nashih 1989: 47).

Perbezaan had *baligh* ini adalah amat penting dalam Islam kerana ia menunjukkan seseorang itu tergolong di dalam golongan *mukallaf* (sampai kepada peringkat matang) atau tidak. Apabila had ini sudah dikenal pasti dalam diri seseorang maka dengan sendirinya ia wajib melaksanakan semua tanggungjawab agama tanpa kecuali. Maka ia mula dikenakan segala tuntutan yang berkaitan dengan suruhan dan larangan agama.

Syarat utama untuk menentukan permulaan peringkat *baligh* itu dapat dilihat daripada lima tanda, tiga bagi lelaki dan dua bagi perempuan. Tiga tanda yang terdapat bagi golongan lelaki ialah bermimpi (mengeluarkan air mani), pertumbuhan fizikal tubuh badan dan bersuara kasar. Dua tanda bagi perempuan, iaitu datang haid atau mengandung (Abdullah Nashih 1989: 53). Secara keseluruhannya apabila seseorang itu *baligh* dalam konteks Islam maka ia adalah dikira remaja/belia.

### **Bentuk Permasalahan Belia**

Permasalahan belia ini secara umumnya ditafsirkan sebagai sesuatu yang mendatangkan keburukan kepada diri atau masyarakat sekeliling, iaitu perbuatan dan tindakan serta pemikiran yang menyalahi norma masyarakat dan keagamaan. Perbuatan, tindakan dan pemikiran ini bila dilaksanakan akan menimbulkan banyak kesan negatif dan sesetengahnya membawa kepada kemudaratan kepada dirinya sendiri atau anggota masyarakat lain. Perkara yang membezakannya cuma bentuk jenayah (permasalahan yang ditimbulkan yang menyalahi sesuatu undang-undang yang diguna pakai) yang dilakukan itu. Bentuk ini pula dipengaruhi oleh pengalaman, keadaan persekitaran belia tersebut (Erickson, 1968: 28).

Menurut Syariat Islam, sesuatu masalah yang menyalahi norma baik di mana norma ini dijelaskan di dalam keterangan al-Quran atau al-Sunnah. Ia diistilahkan sebagai *jinayah*, iaitu segala perbuatan yang diharamkan oleh *syarak* (hukum agama). Ia memberi maksud semua perbuatan yang ditegah oleh *syarak* kerana perbuatan itu menimbulkan bahaya yang nyata terhadap agama, nyawa, akal, maruah diri dan harta benda. Terdapat dua istilah dalam Islam yang biasanya digunakan dan membawa pengertian yang sama atau hampir sama berkaitan perbuatan yang dilarang, iaitu perkataan *jarimah* dan *jinayah*. Dalam pengertian biasa keduanya membawa erti sebagai perbuatan jahat secara umum (Abdullah Nashih 1989: 279).

Di dalam istilah perundangan Islam pula perkataan *jarimah* ialah perbuatan melakukan sesuatu tindakan yang diharamkan oleh Islam sama ada berbentuk suruhan atau larangan dan mengakibatkan ia boleh dikenakan tindakan atau hukuman tertentu. Manakala istilah *jinayah* pula kebiasaannya digunakan untuk tindakan jahat yang melampau.

Tindakan tersebut diharamkan oleh Islam dan boleh dikenakan hukuman *had* dan *ta'zir* (hukum ini juga disebut sebagai hukum *qisas*) sebagai penguatkuasaan. Jadi penggunaan perkataan *jinayah* ini lebih berat jika dibandingkan dengan penggunaan perkataan *jarimah*.

Dari sudut pemakaian undang-undang di Malaysia pula, jenayah didefinisikan sebagai tindakan, perlakuan atau perbuatan jahat yang menyalahi undang-undang serta moral dan etika masyarakat. Orang yang melakukan jenayah ini berhak menerima hukuman mengikut undang-undang. Secara umumnya, undang-undang dan hukuman terhadap penjenayah berubah-ubah mengikut tempat dan masa. Ada sesetengah perbuatan dianggap salah dan menyalahi nilai-nilai sesuatu tamadun tetapi ada pula tamadun yang tidak mengaggap perbuatan itu satu kesalahan (Samsudin Abd Rahim & Iran Herman, 1996: 31).

Begitu juga dengan bentuk permasalahan belia di mana ianya berubah-ubah mengikut masa, keadaan, dan pengaruh persekitaran semasa. Umpamanya ketika ini terdapat satu kategori masalah sosial belia yang berkaitan dengan multimedia, iaitu ketagihan melayari laman web lucah. Ketagihan tersebut ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan yang negatif. Jadual 1 di bawah memaparkan masalah sosial di Malaysia dari tahun 1986-1992.

**Jadual 1: Permasalahan Belia Tahun 1986-1992**

Bentuk Permasalahan Belia	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992
Bunuh	6	22	5	6	13	7	10
Rogol	17	22	21	9	30	24	13
Mendatangkan kecederaan	54	84	123	74	132	58	61
Pecah rumah dan curi	478	332	334	237	492	317	179
Curi kenderaan	134	68	93	53	159	270	105
Lain-lain kecurian	980	720	636	495	945	132	217
Kesalahan dadah	346	247	164	127	260	135	65
Peras ugut	40	55	27	32	39	35	15
Ugutan jenayah	3	2	1	-	1	-	-
Memiliki senjata merbahaya	16	42	32	15	39	21	15

Judi	25	37	81	46	86	23	8
Samun	174	88	86	41	101	22	23
Lain-lain kesalahan	282	322	272	237	462	332	151
<b>Jumlah</b>	<b>2570</b>	<b>2044</b>	<b>1886</b>	<b>1401</b>	<b>2789</b>	<b>1376</b>	<b>862</b>

*Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman*

Bentuk-bentuk kesalahan yang terdapat dalam jadual di atas adalah antara kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah yang dilakukan oleh belia dalam tempoh tersebut. Kesalahan tersebut adalah berdasarkan kepada kes-kes yang telah direkodkan samada dengan cara pengaduan di Balai Polis atau direkodkan dengan melalui prosedur perundangan seperti melalui proses mahkamah. Walau bagaimanapun terdapat permasalahan-permasalahan lain yang tidak dimasukkan dalam jadual tersebut. Begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan dianggap tidak menyalahi norma masyarakat tetapi tetap menyalahi hukum Islam kerana akibatnya yang serius. Antara permasalahan tersebut adalah seperti kesalahan siber, pergaulan bebas, sumbang mahram, vandalisme, gengsterisme, penagihan arak, lari dari rumah, pembuangan bayi dan penipuan.

### **Faktor-Faktor Penyebab Permasalahan Belia**

Banyak faktor yang menyebabkan permasalahan belia ini timbul. Setiap faktor ini dianggap sebagai mempengaruhi tindakan belia yang bersifat negatif. Antara faktor tersebut, pertama, faktor keluarga termasuk perceraian dan kematian ibu bapa, kurangnya didikan agama dari ibu bapa atau penjaga dan kurangnya perhatian dan kasih sayang. Kedua ialah faktor pengaruh rakan sebaya yang merangkumi pengaruh di sekolah, pengaruh di kawasan kejiranan dan pengaruh di tempat kerja. Ketiga ialah faktor persekitaran meliputi persekitaran bandar, kampung, setinggan, perubahan fesyen semasa, perubahan gaya hidup, faktor kedudukan ekonomi diri dan keluarga serta bilangan adik beradik (Samsudin Abd Rahim & Iran Herman 1996: 31-35).

Keempat ialah faktor media seperti media massa, media elektronik dan media siber. Kelima ialah faktor pendidikan meliputi pendidikan formal, pendidikan tidak formal, pendidikan agama dan pendidikan asas zaman kanak-kanak. Keenam ialah faktor dalam seperti sifat buruk yang

diwarisi, darjat kecerdasan yang rendah dan kecacatan anggota serta psikologi contohnya tersekat kemahuan dan keinginan yang munasabah.

Dari penelitian faktor-faktor di atas dapatlah dirumuskan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian serius untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan permasalahan-permasalahan tersebut. Antara perkara-perkara yang sepatutnya diambil perhatian ialah seperti berikut; Pertama, peranan ibu bapa atau penjaga dalam memerhati, meneliti, mengawasi tingkah laku anak-anak belia serta memberi dorongan dan sokongan terhadap setiap permasalahan mereka. Kedua, pendidikan agama sebagai asas kepada setiap gerak-geri dan tindakan golongan belia. Pendidikan ini boleh diperolehi sama ada secara formal ataupun tidak formal. Pendidikan tentang norma keagamaan dan hukum-hakam dianggap sebagai satu pendidikan tidak langsung yang cukup bermakna kepada belia dalam melayari kehidupan moden yang serba mencabar. Contohnya, sekiranya seseorang mengetahui bahawa perbuatan sumbang mahram adalah menyalahi ajaran agama, ianya secara tidak langsung mendidik belia supaya tidak melakukannya. Ketiga, penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dan efektif oleh pihak berwajib yang merangkumi semua aspek pencegahan tindakan negatif belia. Keempat, strategi yang terancang perlu diwujudkan dan dilaksanakan dari masa ke semasa untuk mengatasi permasalahan belia ini yang meliputi pendekatan pendidikan, pencegahan, penguatkuasaan yang menyeluruh.

## PENYELESAIAN KEAGAMAAN: SATU ALTERNATIF

### **Karektor umum agama**

Agama adalah satu anutan yang bekembang sebagai ilmu pendidikan jiwa (dalaman) yang mengajar manusia menyelami jiwa sendiri serta hubungkaitnya dengan kekuasaan Tuhan. Sifat *zuhud* (sederhana) dalam menangani kerenah dunia mampu diterjemahkan dalam tingkah laku manusia dalam usaha merealisasikan kesempurnaan moral. Walaupun ilmu ini dilihat sebagai satu ilmu yang terpencil kerana pendidikan jiwa adalah hak dan peribadi seseorang tetapi ia adalah salah satu cara yang berkesan dalam menangani kerakusan jiwa untuk tunduk kepada sesuatu tindakan yang berunsurkan negatif.

Ilmu agama adalah kaedah pendidikan dalaman yang mampu membuang sifat-sifat ego, keangkuhan, nafsu yang tinggi terhadap dunia, kelalaian terhadap tanggungjawab akhirat (kehidupan selepas mati) yang diterjemahkan melalui tindakan dan tingkah laku seperti *zuhud*, *tawadhu*, rendah diri, prihatin dan nilai murni yang lain. Sifat-sifat ini lahir dengan menumpukan jiwa kepada kebesaran dan keesaan Tuhan. Kesannya mampu memperkukuhkan jiwa manusia dalam mendepati tanggungjawab terhadap kehidupan.

Jika dizahirkan ilmu ini dalam kehidupan seharian ianya akan mempengaruhi sifat-sifat moral manusia itu sendiri. Sifat-sifat kemoralan yang baik secara langsung akan nampak dalam diri jika seseorang mempraktikkan dan menghayati nilai-nilai keagamaan ini. Walaupun sebahagian besar ahli agama atau pengikut agama tidak mengistiharkan secara terbuka tentang pengamalannya tetapi kemoralan dirinya terserlah. Ini kerana kesan daripada pendidikan jiwa yang diasuh menyebabkan seseorang itu menzahirkannya melalui tindakan dan tingkah laku.

Secara umumnya karektor umum agama itu adalah seperti pertama, menghayati kebesaran Tuhan di dalam diri dan kehidupan, kedua, menumpukan kepada pendidikan jiwa (dalaman) yang tinggi dengan cara yang bersungguh-sungguh, ketiga, menterjemahkan pendidikan jiwa di dalam tingkahlaku dan tindakan dengan konsep *zuhud*, *tawadhu*, rendah diri dan sifat-sifat murni yang lain. Secara tidak langsung sifat-sifat murni ini dapat memperbaiki moral diri dari sudut jiwa mahupun luaran. Karektor keempat ialah penekanan pendidikan jiwa merupakan perkara yang penting dalam sesuatu ajaran agama.

Walau bagaimanapun masih banyak lagi faedah dan kebaikan dari agama ini yang tidak dapat dicungkil dan didedahkan. Ahli agama dan pengikut agama adalah orang yang paling banyak menerima faedah dan kebaikannya. Kesukaran mengenegahkan kebaikan agama ini kerana sama ada ianya tidak diamalkan atau kerana ia telah disekularkan dari kehidupan harian dalam dunia moden ini. Natiujahnya, hanya sebahagian kecil pengikut yang mendalaminya.

## Asas-asas ajaran agama

Abdullah Nasih Ulwan (1989), seorang cendekiawan pendidikan Islam meringkaskan asas ajaran agama seperti berikut: **Pertama:** Pengajaran agama akhlak, sahsiah dan kemoralan. Pada pandangan golongan agama, manusia selalu cenderung untuk menurut nafsunya. Kecenderungan ini akan menjadikan manusia bertuhankan keinginan nafsunya. Akibat langsung daripada inilah akan membawa kepada kehancuran moral peribadi dan masyarakat. Oleh kerana itu, kecenderungan negatif ini perlu diatasi atau dikurangkan terlebih dahulu dan perjuangan melawan nafsu ini perlu diangkat sebagai perjuangan yang mulia. Bagi ahli agama pendidikan bentuk ini mesti melalui tiga peringkat penting iaitu: (a) Peringkat *takhalli* (kesedaran) iaitu pendidikan untuk membersihkan diri daripada sifat-sifat yang tercela yang digelar maksiat zahir dan maksiat batin yang mengotori jiwa seperti sifat dengki, sombong, buruk sangka, membangga diri dan lain-lain sifat-sifat tercela. Cara mendidiknya ialah dengan melihat kesan-kesan buruk sifat-sifat tercela tadi dan balasan-balasan yang dijanjikan Tuhan terhadap manusia yang mempunyai sifat-sifat tersebut; (b) Peringkat *tahalli* (pengisian), iaitu tahap di mana ahli agama mengisi dan menghiaskan diri dengan sifat-sifat terpuji setelah berjaya di peringkat *takhalli*. Caranya ialah dengan menerapkan dan membiasakan jiwa, diri dan tindakan dengan sifat-sifat terpuji dan mulia; (c) Peringkat *tajalli* (penyempurnaan), iaitu satu tahap penyempurnaan pendidikan jiwa di mana ahli agama pada peringkat ini sudah tidak mempunyai kecenderungan pada godaan nafsu. Sebaliknya menumpukan kepada ganjaran di akhirat. Peringkat ini diasuh dan dikuatkan dengan sifat *munajat*, *muraqabah* dan *muhasabah* (menginsafi diri dan selalu merasakan Tuhan ada bersama) (al-Ashari, 1977: 53).

**Kedua:** Pengajaran agama amali. Ianya adalah lanjutan daripada pengajaran yang pertama di atas. Pengajaran ini adalah dalam bentuk pengisian dan praktikal kehidupan seharian. Setiap ahli agama perlu mengisi kehidupan hariannya seperti yang disyariatkan oleh agama, iaitu 'membuat apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang'. Di dalam melalui pengajaran ini seseorang perlu melatih diri mereka dengan melalui 4 peringkat berikut: (a) Syariah atau undang-undang, iaitu melatih diri dengan mengikuti semua perkara yang telah diperintahkan oleh Islam terhadap seseorang samada ianya berbentuk suruhan atau larangan; (b) *Tariqah* atau cara-cara, iaitu pelaksanaan syariah hendaklah dengan satu



tujuan sahaja iaitu kerana Tuhan; (c) *Haqiqah* atau hak penentuan, iaitu hasil daripada pelaksanaan syariah yang dibuat kerana Tuhan, hakikatnya hanya Tuhan sahaja yang mengetahui samada benar-benar diterima atau sebaliknya; (d) *Makrifah* atau mengenali, iaitu jalan atau cara mengenal Tuhan dengan *qalb* atau hati. Ini adalah hasil daripada praktis syariah, *tariqah* dan *haqiqah* (al-Shahrawardi, 1966: 72).

Keetiga: Pengajaran agama *falsafi*. Pengajaran jenis ini adalah pengajaran yang lebih kepada tujuan nilai praktikal daripada konsep atau teori ilmu agama itu sendiri. Umpamanya mempraktikkan konsep ‘cenderung melakukan sesuatu yang baik’ di dalam diri seseorang. Seseorang yang menghayati ajaran agama, semua perbuatan atau perlakuan akan cenderung melakukan kebaikan. Hakikatnya tidak ada satupun ajaran agama menyuruh penganutnya melakukan sesuatu perbuatan yang cenderung kepada kejahatan (al-Sullami, 1969: 21).

## PENDEKATAN AGAMA DALAM MENANGANI PERMASALAHAN BELIA

Jumlah permasalahan menunjukkan angka peningkatan yang serius dan menakutkan pelbagai pihak terutama masyarakat dan kerajaan. Perkara ini tidak menghairankan kerana kemajuan bidang komunikasi yang ada sekarang seolah-olah menjadi pemangkin kepada peningkatan tersebut. Oleh itu, perlu ada satu mekanisme yang dapat menangani permasalahan ini. Agama adalah dilihat sebagai satu alternatif untuk mengawal peningkatan tersebut daripada menjadi lebih parah. Kemampuan agama memberi didikan khususnya kepada golongan belia tentang perlunya moral yang baik di dalam kehidupan berupaya mengekang gejala tersebut daripada merebak. Selama ini seringkali di hebahkan peri pentingnya pendidikan agama di dalam menangani masalah belia. Namun, tidak ada strategi dan pendekatan yang direncanakan serta digunakan dalam usaha mengurangkan permasalahan ini. Pendidikan agama dan moral juga kadang-kadang ditempelak kerana kegagalannya menebat gejala permasalahan belia dari merebak berasaskan bukti terdapat belia yang menghadapi masalah ini kadang-kadang mempunyai didikan asas agama.

Ajaran agama menumpukan skop didikan jiwa. Ini adalah satu skop yang menarik kerana kebanyakan belia yang bermasalah ini mempunyai masalah didikan dalaman. Pengalaman ahli agama juga diharapkan dapat membantu merealisasikan penerapan pendekatan agama ini kepada golongan belia yang bermasalah ini. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk menerapkan pendekatan agama ini dalam menangani permasalahan belia seperti yang diusulkan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1989) adalah seperti berikut:

**Pertama:** Penerapan pendekatan secara teori. Cara ini boleh dilakukan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut: (a) Memberi penerangan secara umum tentang asas ajaran agama terutama yang menyentuh pendidikan jiwa kepada golongan sasaran; (b) Memberi penerangan tentang betapa pentingnya pendidikan jiwa dan pembersihan jiwa dalam kehidupan; (c) Menyatakan hubungan diri dengan kekuasaan Tuhan melalui cara dan kaedah yang sesuai; (d) Menerapkan sifat-sifat mulia di dalam jiwa; (e) Menerangkan kaedah-kaedah dan strategi-strategi yang boleh diguna pakai apabila belia menghadapi masalah seperti penyesalan, perubahan dari yang buruk kepada yang baik.

Penghasilan dari penerapan pendekatan secara teori ini ialah golongan sasaran dapat memahami secara asas tentang permasalahan jiwa serta dapat mengenalpasti permasalahan moral yang mereka hadapi. Seterusnya ia dapat menanamkan sifat sayangkan diri sendiri kepada golongan sasaran, menerapkan konsep kekuasaan Tuhan serta dapat menilai kesan-kesan buruk dari sikap negatif yang ditonjolkan atau tindakan yang dilakukan.

**Kedua:** Penerapan pendekatan secara praktikal. Abdullah Nasih Ulwan (1989) menyarankan beberapa perkara sebagai satu latihan praktikal kepada mereka yang bergelar belia. Antaranya (a) memberi peluang kepada golongan sasaran mengamalkan nilai-nilai murni yang mudah seperti sifat menghargai diri, kasih sayang dan lemah lembut; (b) Memberi ruang dalam dirinya untuk menghayati kebesaran Tuhan yang diaplikasikan mengikut pengajaran agama yang betul; (c) Menyesali kesan-kesan buruk dari perlakuan dan tindakan yang tidak bermoral yang dilakukan sebelum ini; (d) Menghargai setiap usaha dan tindakan yang dijalankan oleh semua golongan demi memperbaiki diri.

Latihan praktikal yang dicadangkan diatas berupaya menghasilkan: (a) Golongan sasaran yang dapat merasakan pengalaman mempratikkan nilai-nilai murni serta merasai 'kelazatan' dalam pengamalan ilmunya; (b) Penghayatan yang berkesan terhadap kebesaran Tuhan di dalam kehidupan; (c) Mereka dapat membezakan kebaikan dan keburukan tindakan daripada yang dilakukan; (d) Golongan sasaran juga dapat merasakan bahawa ada pihak yang prihatin terhadap permasalahan mereka dengan menghargai setiap usaha yang dijalankan oleh pihak tertentu untuk memperbaiki diri.

**Ketiga:** Penerapan pendekatan melalui kesan. Pendekatan cara ini menurutnya lagi adalah lebih menuju kepada hasil dan kesan daripada apa yang dipraktikkan dan mengamalkan ajaran berbentuk agama lebih-lebih lagi kepada jiwa dan sifat-sifat dalaman. Cara ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan kaedah berikut: (a) Menzahirkan kesan tersebut dalam bentuk kata-kata atau cerita kepada rakan sebaya atau rakan yang mempunyai permasalahan yang sama; (b) Memberi pengajaran secara intensif cara-cara dan kaedah-kaedah yang boleh mendidik jiwa melalui ajaran agama; (c) Ahli agama memperkenalkan diri mereka atau mewarwarkan amalan mereka di khalayak ramai atau pada umum; (d) Mengikis sifat 'bersembunyi' dalam diri pengamal ajaran agama terutama sekali yang berkaitan dengan pendidikan jiwa kerana ia akan memberi peluang kepada umum menghayati dan memahami ajaran agama.

Melalui praktis di atas, ia berupaya menghasilkan: (a) Perkongsian kesan dan faedah daripada pengamalan ajaran agama; (b) Ajaran agama lebih berkesan jika pengamal ajaran ini dari kalangan ahli agama tersohor; (c) Membudayakan pendidikan dalaman di dalam pengajaran dan pembelajaran masyarakat.

## RUJUKAN KES

Kepelbagaian masalah belia memerlukan metode yang berbeza untuk menanganinya. Berdasarkan kepada kes-kes yang dirujuk oleh sebilangan pelajar universiti kepada pensyarah-pensyarah mereka menunjukkan mereka memerlukan bimbingan dan panduan untuk menempuh kehidupan belia yang serba mencabar. Pelajar universiti adalah antara golongan belia

yang sering mengutarakan permasalahan mereka dalam usaha mereka untuk mengatasinya demi kelangsungan penumpuan mereka kepada pelajaran. Ini tidak bermakna golongan belia lain tidak menghadapi permasalahan yang serupa, cuma tempat rujukan adalah berbeza dan ia harus disediakan mengikut kesesuaian golongan belia. Contohnya pekerja kilang yang rata-ratanya golongan belia perlu merujuk permasalahan mereka kepada majikan atau unit-unit tertentu di tempat kerja mereka. Mereka juga memerlukan penyelesaian atau pandangan dari sudut agama. Begitu juga dengan kategori belia yang lain.

Berikut adalah antara permasalahan yang pernah dirujuk kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. **Kes pertama** melibatkan seorang belia wanita menceritakan pengalaman pertama melakukan '*istimta*' (melakukan aktiviti seks ringan) dengan pasangannya dan ketagih melakukannya setiap kali bertemu pasangannya. **Kes kedua**, seorang belia mengalami 'kekosongan jiwa' sehingga mengganggu emosi dan perlakuannya. Belia tersebut telah sampai kepada suatu peringkat di mana dia menganggap kehidupannya sudah tiada ertinya dan sering bercerita tentang cara-cara kematian. **Kes ketiga**, belia yang menghadapi masalah tekanan perasaan kerana sering dimarahi dan dihina oleh keluarganya kerana cuba mempraktikkan membaca al-Quran dan melakukan solat dan dikatakan mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar. **Kes keempat**, seorang belia yang ketagihan meminum ubat batuk sehingga sanggup membelanjakan sekurang-kurangnya RM30.00 sehari untuk membeli ubat batuk tersebut dan meminumnya. **Kes kelima**, seorang belia perempuan yang mengandung 3 bulan hasil dari hubungan seks tanpa nikah. Belia tersebut cenderung untuk menggugurkan kandungan tersebut dan menghadapi trauma.

**Kes keenam** melibatkan seorang belia yang ketagihan rokok dan menghabiskan 3 kotak rokok sehari. Beliau datang berjumpa dengan pensyarah untuk meminta pandangan bagaimana cara untuk memberhentikan ketagihan tersebut. **Kes ketujuh**, seorang belia datang dan mengadu beliau menghadapi masalah 'ketidaktentuan agama'. Beliau tidak pernah seumur hidupnya mempraktikkan ajaran agama dan tidak mempunyai pengetahuan langsung berkaitan ajaran agama kecuali apa yang dilihat dan didengar dari orang lain. **Kes kelapan**, seorang belia lelaki yang meminta pandangan dari sudut agama berkaitan masalah

kegemukan yang dihadapinya. **Kes yang kesembilan** ialah seorang belia lelaki yang datang meminta pandangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya, iaitu kegemarannya ‘memikat’ wanita dan sentiasa terdorong untuk melakukan perkara diluar batasan bersama pasangannya.

Secara umumnya, berdasarkan kes-kes yang dirujuk di atas, ajaran agama adalah panduan terbaik sebagai panduan penyelesaian permasalahan tersebut. Idea yang dikemukakan dalam perbincangan diatas dari sudut agama boleh dijalankan secara berperingkat tanpa membebankan diri belia yang datang merujuk. Penyelesaian segera seperti memberi wang secukupnya kepada belia yang menghadapi masaaah kewangan dilihat sebagai satu bentuk penyelesaian jangka pendek selagi sifat boros berbelanja yang ada dalam diri mereka tidak diatasi. Idea agama yang melarang sifat boros dan cara-cara mengatasi melalui pendidikan jiwa pula boleh dianggap sebagai satu penyelesaian jangka panjang.

## KESIMPULAN

Permasalahan belia yang semakin serius dan dikhuatiri akan menjadi satu budaya yang negatif dalam kalangan belia di Malaysia memerlukan satu pendekatan yang benar-benar tersusun dan jitu dalam menanganinya. Di dalam perkara ini pendekatan pendidikan secara dasar sahaja sama ada secara formal atau tidak formal tidak memadai kerana pendekatan cara ini lebih banyak menekankan perkara-perkara yang berbentuk tradisi semata-mata seperti tradisi hormat menghormati, tradisi budi bahasa lain-lain lagi yang tidak menyentuh secara langsung punca yang menyebabkan permasalahan belia berlaku.

Punca sebenar berlakunya tindakan luar kawalan dalam kalangan belia sehingga menjadikannya gejala sosial ialah pendidikan jiwa atau pendidikan dalaman. Jiwa yang kosong tanpa pendidikan yang khusus akan menjadikan diri belia itu terumbang ambing. Pendekatan dan ajaran agama adalah alternatif kepada pendidikan secara dasar malah ajaran agama ini mempunyai ciri keistimewaan khusus di dalam mendidik jiwa untuk digunakan sebagai satu kaedah pendidikan belia terutama sekali yang menghadapi masalah gejala sosial.

RUJUKAN

- Abdullah Nashih Ulwan. 1989. *Pedoman Pendidikan anak-anak dalam Islam*, Jilid 1. Klang: Klang Book Centre.
- Abdullah Nashih Ulwan. 1989. *Pedoman Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Jilid 2. Klang: Klang Book Centre.
- Al-Ashari, Abu al-Hassan. 1977. *Al-Ibanah an Usul al-Diyannah*. Ed. Fawkiyah Husayn Mahmud. Kaherah: Dar al-Ansar.
- Al-Shahrawardi, Abd al-Qahir Abd Allah. 1966. *Kitab 'Awarif al-Maarif*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Sullami, Abu Abd al-Rahman. 1969. *Tabaqat al-Sufiyyah*. Ed. Nur al-Din Sharibah: Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Erickson, E.H. 1968. *Identity, Youth and Crisis*. New York: Norton.
- Granville Stanley Hall. 1904. *Adolescence: Its Psychology and Its Relations to Physiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion, and Education*, 2 Vol. New York: Appleton.
- Logan. 1980. *Social Cognitive Development During Adolescence*. New York: Wiley.
- Marshall & Turner. 1974. *Requirements for Healthy Development of Adolescent Youth*. New York: Pan Ltd.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newman, F. & Newman, J. 1991. *Effects of TV Violence on Child Behavior*. New York.
- Noor Adiah Mohd Noor. 1998. *Satu Kajian Kes Tentang Masalah Belia Sekolah Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim & Iran Herman. 1996. *Belia dan AIDS: Media, Nilai, Personaliti dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Zakiah Daradjat. 1997. *Pembinaan Belia*. Jakarta: Bumi Aksara.

PROFIL PENULIS

**Razaleigh Muhamat @ Kawangit, PhD**

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

raza@ukm.my

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

tarmizi@putra.upm.edu.my